

CNS3751

u GB 20-05 00188 BA887

bah

Mahathir - Doktor (Bergambar)

PM MAHU HOSPITAL SWASTA GABUNG ASPEK SOSIAL DAN UNTUNG

XUALA LUMPUR, 20 Mei (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata hari ini hospital swasta hendaklah memberi perhatian yang selari antara aspek sosial dengan aspek perdagangan dalam melaksanakan peranannya.

Perdana Menteri berkata walaupun pendapatan merupakan perkara penting bagi mereka, hospital swasta perlu mempunyai sikap timbang rasa dan mempunyai tanggungjawab sosial kerana hanya dengan cara itu sahaja perkhidmatan perubatan swasta akan dihormati oleh masyarakat.

"Hospital swasta mempunyai tempat di Malaysia kini dan pada masa akan datang tetapi aspek komersil peranan itu perlu selari dengan aspek sosial," katanya ketika merasmikan seminar "Peranan hospital swasta di Malaysia pada masa ini dan akan datang" anjuran Persatuan Hospital-hospital Persendirian di sini.

Sambil mengingatkan doktor swasta supaya tidak melupakan ikrar "Hippocratic" mereka, Dr Mahathir berkata bahawa amalan menolak pesakit kecemasan yang tidak mempunyai deposit adalah tidak secocok dengan profesion kedokteran.

"Sekurang-kurangnya rawatan kecemasan patut diberikan. Walaupun ini akan menyebabkan pendapatan pada hujung bulan berkurang sedikit, tetapi ini sepatutnya dianggap sebagai sebahagian daripada kos." -- Lagi.

▼20/05/12-15MST

U GB 20-05 00154 BA888

bah

Mahathir - Doktor 2 Kuala Lumpur

Beliau percaya kekurangan sedikit pendapatan itu tidak akan menjadi masalah besar memandangkan pendapatan pakar perubatan swasta adalah empat atau lima kali ganda lebih daripada pakar yang setaraf yang berkhidmat dengan kerajaan.

Perdana Menteri berkata kerajaan menyambut baik penubuhan hospital swasta kerana ia dapat mengurangkan beban kewangan kerajaan dan tekanan bilangan penduduk yang begitu mengambil berat tentang kesihatan.

Katanya, dengan adanya perkhidmatan swasta, mereka yang mampu mempunyai pilihan untuk mendapatkan rawatan walaupun harga yang dikenakan tinggi.

"Walaupun daripada satu sudut, bayaran yang tinggi menyebabkan ramai yang berpendapatan sederhana tidak mampu tetapi pendapatan hospital swasta meningkat sehingga dapat menghidkan alat-alat yang terkini dan canggih," katanya.

Selaras dengan itu beliau berharap kualiti rawatan serta kepakaran doktor swasta dapat dipertingkatkan lagi sehingga setaraf dengan pakar dunia bagi membolehkan mereka menawarkan perkhidmatan kepada pesakit dari luar negara. -- Lagi.

▼20/05/12-24MST

U GB 20-05 00144 BA889

bah

Mahathir - Uoktor 3 Kuala Lumpur

Usaha seumpama ini bukan sahaja akan menyumbang kepada ekonomi negara tetapi juga menjadikan Malaysia dan kepakarannya di bidang perubatan lebih terkenal.

Di samping itu, Dr Mahathir juga berkata bahawa kerajaan tidak mahu melihat litiyasi dan tuntutan yang keterlaluan kerana keadaan itu akan menyebabkan kos rawatan melambung tinggi berikutan kenaikan insurans doktor dan hospital.

Beliau berkata ada kalanya doktor mengelak daripada memberi rawatan kecemasan kerana 'kemungkinan pesakit mendakwa di mahkamah untuk mendapat ganti rugi. Ini sudah tentu akan merugikan masyarakat.

Perdana Menteri juga mengingatkan doktor agar jangan cuai dan hendaklah memberikan perkhidmatan yang sebaik-haiknya, sama ada kepada yang mampu membayar banyak atau sedikit.

"Janganlah hendaknya pemeriksaan dengan alatan-alatan canggih dan mahal dibuat semata-mata untuk menaikkan pendapatan atau mengelak daripada didakwa di mahkamah kerana cuai." -- Lagi.

▼20/05/12-42MST

U GB 20-05 00162 BA893

bah

Mahathir - Doktor 4 Kuala Lumpur

Beliau juga tidak mahu doktor swasta mengamalkan "fee-splitting" dengan doktor lain serta menjalankan pemeriksaan dan pembedahan tidak perlu ataupun membuat pakatan "ambulance chasing" dengan peguam untuk mendapatkan pelanggan.

Dr Mahathir juga menyentuh mengenai perbezaan gaji yang ketara antara doktor dan jururawat swasta dengan pendapatan doktor dan jururawat dalam perkhidmatan kerajaan, yang menurutnya, menjadi masalah besar kepada kerajaan.

Katanya, amat mudah mencadangkan supaya gaji mereka dalam sektor awam dinaikkan tetapi tindakan itu akan menyebabkan semua kategori lain akan membuat tuntutan yang serupa.

Ini akan menaikkan perbelanjaan kerajaan sedangkan perbezaan itu akan terus berlaku apabila gaji doktor dan jururawat ditambah lagi, katanya. Dengan itu percubaan mengurangkan perbezaan itu tidak akan mendatangkan faedah kepada sesiapa.

Perdana Menteri berkata masalah doktor dan jururawat meninggalkan perkhidmatan kerajaan hanya boleh diatasi jika jumlah doktor dan pakar perubatan meningkat sehingga persaingan yang besar berlaku di kalangan doktor-doktor swasta. -- Lagi.

▼20/05/13-01MST

U GB 20-05 00092 DA894

bah

Mahathir - Doktor 5 (Akhir) Kuala Lumpur

"Jika pengeluaran doktor tidak meningkat dengan ketara, maka kerajaan terpaksa membenarkan doktor asing masuk dan bekerja dengan kerajaan atau hospital swasta atau persendirian."

Setika bercakap kepada pemberita kemudian, Dr Mahathir berkata pengambilan pakar asing tidak dapat dielakkan kerana rakyat Malaysia sendiri tidak sanggup belajar sehingga enam tahun untuk menjadi doktor.

Beliau berkata pengambilan mereka perlu kerana kerajaan harus mengambil kira bualan sahaja kepentingan profesion perubatan tetapi juga masyarakat.

-- Bernama

JO AHH NM.

▼20/05/13-07MST